

02 NOV 2003

CUEPACS GUBAL RANGKA KERJA PERKHIDMATAN AWAM

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Ceupacs) sedang menggubal rangka kerja atau "Blueprint" untuk meningkatkan tahap profesionalisme dalam perkhidmatan awam.

Setiausaha Agung Cuepacs Datuk Abdul Rahman Manan berkata laporan itu akan mengkaji gaji (kadar upah yang setimpal dengan kerja), cuti dan pelbagai aspek lain yang akan memberi faedah dan pulangan kepada perkhidmatan awam.

"Cuepacs selama dua hari iaitu pada 31 Okt dan 1 Nov telah merangka dan menggubal rangka untuk hasilkan blueprint perkhidmatan awam yang akan dikemukakan kepada kerajaan dalam tempoh satu tahun lagi," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Katanya laporan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam tempoh satu tahun lagi setelah mengkaji semua aspek yang boleh meningkatkan profesionalisme kakitangan awam.

Beliau berkata Cuepacs juga menyokong penuh saranan Abdullah supaya semua pihak bekerjasama dengan beliau.

"Dalam hubungan ini Cuepacs menyokong penuh bahawa semua pihak terutamanya kakitangan awam bekerjasama supaya negara terus maju untuk mencapai Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Abdullah, yang dilantik secara rasmi sebagai Perdana Menteri kelima negara pada Jumaat lepas menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bekerjasama dengannya dan bukan bekerja untuknya.

-- BERNAMA

MUN PR